



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 ( 68 )

Tarikh : 17 MAC 2022

## KEJADIAN TANAH RUNTUH DI JALAN 16/5 PETALING JAYA

Merujuk kepada aduan awam yang diterima oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berhubung kejadian tanah runtuh yang berlaku di alamat No 8, Jalan 16/5 Petaling Jaya.

Majlis, melalui Unit Cerun, Jabatan Kejuruteraan MBPJ telah mengadakan siasatan dan semakan ditapak runtuh dan mendapati berlakunya aliran air tanpa henti dari atas tebing yang menyebabkan sebahagian dari cerun tersebut runtuh bersama 2 batang pokok ke kawasan kolam renang pengadu.

Hasil semakan punca air yang dijalankan oleh wakil Air Selangor telah mendapati kejadian tersebut berpunca dari air paip milik Air Selangor yang disyaki ada mengalami kebocoran paip. Majlis telah pun mengarahkan Air Selangor untuk menutup sumber air yang dikenalpasti bagi mengurangkan impak hakisan tanah yang boleh berlaku jika tindakan tersebut tidak diambil dengan kadar segera.

Pada masa sama, kontraktor Air Selangor juga sedang menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan rumah pengadu manakala kawasan runtuh tersebut telah ditutup dengan canvas sheet bagi menghalang air terus ke permukaan tanah. Kerja-kerja pembaikan juga sedang dilaksanakan oleh pihak Air Selangor.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

